



## Perutusan Pengerusi

### **Lembaga Pertubuhan Peladang**

Assalamualaikum W.B.T. Dan Salam 1 Malaysia

Bagi pihak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan LPP bagi tahun 2010. Laporan tahunan ini merupakan satu wadah bagi menerangkan pencapaian LPP dalam membangunkan institusi peladang dan ahlinya. Pencapaian yang diperolehi merupakan kayu pengukur bagi LPP untuk terus berkhidmat dengan penuh komitmen dan untuk lebih cemerlang dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam era globalisasi ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada semua pihak, khususnya warga kerja LPP yang telah menyumbang kepada kejayaan LPP sepanjang tahun 2010. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Y.B. Datuk Seri Noh bin Hj Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas

Tani di atas dorongan, sokongan dan bimbingan yang diberikan sehingga LPP dapat terus maju membangunkan Pertubuhan Peladang dan ahlinya.

#### **Prestasi Pembangunan**

Tahun 2010 merupakan tahun terakhir bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9) bagi LPP melaksanakan tanggungjawab sebagai agensi pelaksana untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian menerusi program-program pembangunan yang dirancang. LPP telah mengintegrasikan semua usaha tersebut melalui sepuluh program pembangunan utama. Program-program yang telah dilaksanakan adalah Program Pengeluaran Bahan Makanan Asas, Program Pembangunan Peladang, Program Pembangunan Sumber Manusia, Program Pembangunan PP Sabah, Program Kemudahan Pemasaran Pertubuhan Peladang, Program Ladang Integrasi, Program Pemulihan Ladang, Program

Industri Kecil Dan Sederhana, Program Pembangunan Usahawan Peladang serta Program Transformasi dan Pemodenan Peladang.

Sejumlah RM 71.17 juta disediakan oleh LPP dalam tahun 2010 bagi membiayai semua program tersebut yang meliputi pelaksanaan projek-projek pengeluaran bahan makanan asas bagi komoditi padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan akuakultur. Melalui projek-projek tersebut LPP telah berjaya melahirkan 12,410 orang usahawan peladang daripada 10,000 orang usahawan yang disasarkan dalam tempoh RMKe9.

Perkhidmatan sokongan pertanian merangkumi kemudahan pemasaran, kejenteraan ladang, perkhidmatan lepas tuai, penyediaan kemudahan peralatan dan sistem aplikasi *Information Communication Technology* (ICT) telah disediakan dan digunakan dengan sebaiknya. Program Pembangunan Modal Insan ke arah melahirkan anggota dan ahli-ahli peladang yang berpengetahuan dan berkemahiran terus dilaksanakan di mana sejumlah 188 program latihan anggota dan 166 program latihan ahli peladang yang melibatkan 10,363 orang telah dapat dilaksanakan pada tahun 2010.

Selaras dengan matlamat transformasi kerajaan untuk meningkatkan ketahanan dan daya saing Malaysia, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah menetapkan peningkatan pendapatan golongan sasar di dalam sektor pertanian dan industri asas tani sebagai salah satu daripada petunjuk prestasi utama (*Key Performance Indicator/KPI*) beliau bagi tahun 2010. Usaha tersebut telah dilaksanakan dengan kerjasama unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Pada tahun 2010, LPP telah dipertanggungjawabkan untuk membantu seramai 500 Ketua Isi Rumah (KIR) dengan melibatkan 10 buah Parlimen di 3 buah Negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Sabah. Sejumlah RM 6.79 juta telah diperuntukan untuk program ini.

Program Azam Tani merupakan Program Meningkatkan Pendapatan Golongan Berpendapatan Rendah iaitu dikalangan peserta Miskin Tegar dan Miskin di bawah senarai e-Kasih yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga

Dan Masyarakat (KPWKM). Program tersebut adalah NKRA KPWKM dalam inisiatif mengeluarkan golongan Miskin Tegar dan Miskin keluar dari Paras Garis Kemiskinan (PGK) bagi tahun 2010 dan 2011. LPP telah diberi tanggungjawab sebagai Agensi Pelaksana (*Lead Agency*) bagi melaksanakan program ini di negeri Kedah dan Kelantan. LPP juga menjadi Agensi Pembayar bagi negeri Perlis, Kedah, Pahang dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sebagai Agensi Pelaksana, LPP Negeri Kedah telah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan 500 buah projek melibatkan 500 orang peserta dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta, manakala LPP Negeri Kelantan melaksanakan 600 buah projek melibatkan 600 orang peserta dengan peruntukan sebanyak RM 6 juta.

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah menubuhkan 222 Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) di 222 kawasan parlimen bagi merancang, menyelaras dan memantau program / projek pertanian disetiap kawasan parlimen. Majlis ini juga melibatkan penglibatan Kerajaan, Ahli Politik dan Swasta (NGO) untuk mendapat kata sepakat mewujudkan projek pertanian yang sesuai di kawasan parlimen berkenaan. Pada tahun 2010, LPP diberi tanggungjawab sebagai urusetia majlis bagi 147 buah MPPP seluruh Malaysia. Peruntukan sebanyak RM 14.7 juta telah berjaya disalurkan kepada MPPP bagi menjalankan projek-projek pertanian di kawasan parlimen bagi meningkatkan tahap ekonomi dan sosial keluarganya.

## Prestasi Kewangan

Pada tahun 2010, LPP memperolehi pendapatan berjumlah RM241.2 juta. Sumber pendapatan terdiri daripada pemberian kerajaan untuk peruntukan mengurus berjumlah RM132.74 juta, pemberian kerajaan untuk peruntukan pembangunan berjumlah RM 71.17 juta di mana geran pembangunan yang dilunaskan adalah berjumlah RM77.73 juta, pendapatan Institut Pengurusan Peladang (IPP) berjumlah RM4.69 juta, faedah atas simpanan dan pinjaman berjumlah RM10.59 juta, yuran audit pendaftar berjumlah RM1.2 juta, sewa rumah kakitangan berjumlah RM1.17 juta, lebihan aset dilupuskan berjumlah RM0.19 juta, hutang

ragu dicatat semula berjumlah RM0.78 juta dan pendapatan pelbagai berjumlah RM1.57 juta.

Perbelanjaan sebenar LPP bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM235.87 juta. Jumlah perbelanjaan ini terdiri daripada ganjaran kakitangan sebanyak RM114.55 juta, perbelanjaan pembangunan sebanyak RM63.4 juta, perbelanjaan lain berjumlah RM21.74 juta, susutnilai hartanah, loji dan peralatan sebanyak RM25.89 juta, IPP sebanyak RM3.84 juta serta peruntukan dan hapuskira berjumlah RM6.45 juta.

### Prestasi Pertubuhan Peladang

Keseluruhan prestasi Pertubuhan Peladang (PP) pada tahun 2010 menunjukkan peningkatan yang baik di mana modal saham PP terkumpul berjumlah RM 163.26 juta berbanding RM135.96 juta pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 8.5 peratus. Aktiviti perniagaan berasaskan pertanian (input pertanian dan pemasaran) merupakan perkhidmatan utama yang disediakan oleh Kumpulan PP (terdiri dari NAFAS, PPN dan PPK), kepada ahli peladang dan menjadi penyumbang terbesar kepada isipadu perniagaan PP. Pada tahun 2010, nilai pembekalan input pertanian PP ialah RM716 juta

dan pemasaran hasil pertanian ialah RM465.2 juta. Kedua-dua aktiviti tersebut menyumbang 43 peratus kepada keseluruhan isipadu perniagaan PP di bawah penyeliaan LPP yang bernilai RM 2.77 bilion.

### Penghargaan

Dengan penuh takzim, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak bagi LPP melaksana dan menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan.



**DATO' HAJI ZAINAL BIN DAHALAN**

D.P.M.S., J.S.M., K.M.N., P.J.K.

Pengerusi

Lembaga Pertubuhan Peladang